

Headline	Pertimbang buku panduan ubat halal		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	06 Apr 2012	Color	Black/white
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	30	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	206 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,231
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,692



Pertimbang buku panduan ubat halal

KUALA LUMPUR: Sudah masanya kerajaan mempertimbangkan menghasilkan buku panduan mengenai asal usul komponen dalam ubat-ubatan supaya diyakini statusnya, berikutan produk farmaseutikal itu berisiko dihasilkan daripada bahan tidak halal.

Cadangan itu diutarakan Pensyarah Bidang Kimia Farmaseutikal, Pusat Pengajian Sains Farmasi, Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Dr Zhari Ismail, yang menyifatkan ia penting sebagai rujukan industri berkaitan selain pengguna Muslim sendiri memilih ubatan sesuai.

Katanya, ada buku yang lebih dikenali sebagai 'pharmacopeia' diterbitkan dan digunakan pakai di lima negara iaitu Mesir, Indonesia, Pakistan, Turki dan Iran, namun tiada buku rujukan yang khusus menggabungkan maklumat komponen ubat dari seluruh negara.

"Pharmacopeia adalah buku rujukan maklumat pembuatan dadah atau kami kata komponen ubat dan lima negara mempunyai buku ini untuk kegunaan kerajaan masing-masing bagi memastikan kesahihan bahan berkenaan, tapi negara kita tiada.

"Memandangkan ketika ini



DR ZHARI...buku elak keraguan

ramai pihak mula berkata mengenai halal dan kami tahu apa bahan halal dalam makanan serta minuman, jadi kenapa tidak kita wujudkan rujukan utama atau 'pharmacopeia' ini pula untuk produk farmaseutikal, mungkin 'pharmacopeia' sedunia.

"Bermakna jika suatu ubat itu perlu dirujuk kandungannya, boleh lihat daripada buku ini dan kenal pasti bahan mana yang digunakan halal dan penyenaaraiannya diletakkan di satu bahagian 'hijau', manakala ramuan yang tidak halal pula dikategori merah.

"Dengan cara ini, tidak timbul lagi keraguan kepada pesakit yang perlu mengam-

bil ubat atau vaksin mahu-pun insulin tertentu secara kerap atau berkala," katanya ketika ditemui Harian Metro.

Dr Zhari adalah pembentang kertas kerja di Forum Halal Sedunia International Halal Integrity Alliance (IHI Alliance) yang dirasmikan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin.

Menurutnya lagi, syarikat besar yang memonopoli industri farmaseutikal bukan beragama Islam, justeru tidak mempunyai halangan memproses bahan ubat daripada sumber terlarang seperti gelatin babi.

"Sedangkan dalam penghasilan ubat jenis kapsul, kita boleh menggunakan bahan daripada gelatin tumbuh-tumbuhan manakala untuk pil misalnya, mereka boleh menggantikan bahan aktif dalamnya dikenali 'stearate' diperbuat daripada lemak babi kepada minyak kelapa sawit.

"Bukan kata tiada pilihan dalam pembuatan ubat-ubatan ini, cuma pihak industri sendiri yang perlu bersuara tegas, tetapkan syarat dan nyatakan pendirian mahu bahan yang tulen, suci dan halal bagi memasuki pasaran dikuasai pengguna Islam," katanya.